

UNTUK SIARAN SEGERA

25 OKTOBER 2019

UEM EDGENTA TAJA PASUKAN ROBOTIK DALAM PERTANDINGAN WORLD ROBOT OLYMPIAD 2019

Pasukan Robotik daripada Pusat Genius @Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia ditaja oleh UEM Edgenta untuk Mewakili Malaysia di World Robot Olympiad 2019 di Győr, Hungary

KUALA LUMPUR, 25 Oktober 2019 – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat peneraju Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur di rantau ini hari ini meraikan kejayaan pasukan robotik “Equinox Metropolitan” daripada Pusat Genius@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia yang akan mewakili Malaysia untuk bertanding di peringkat antarabangsa di World Robot Olympiad 2019 (WRO 2019) di Győr, Hungary dari 8 hingga 10 November.

Sokongan UEM Edgenta terhadap Equinox Metropolitan merupakan sebahagian daripada komitmen Syarikat untuk menginspirasi dan mempromosikan Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) di kalangan pelajar dan sekolah. UEM Edgenta telah memberikan sokongan penuh kepada pasukan robotik ini sepanjang pertandingan yang mereka sertai di peringkat negeri dan kebangsaan seterusnya menjadi penaja utama pada pertandingan akhir di WRO 2019.

Pasukan robotik yang terdiri daripada Ahmad Azzam Mohamad, Harun Azhar dan Catherine Loo Qiao Ning berjaya merangkul Pingat Emas di Pertandingan Robotik Kebangsaan 2019 dalam Kategori Terbuka – Sekolah Menengah Atasan (SMART Cities) pada September 2019, seterusnya melayakkan mereka untuk mewakili Malaysia di WRO 2019. Mereka bakal bertanding dengan 400 pasukan lain dari lebih 60 buah negara.

Sejajar dengan tema pertandingan – SMART Cities, projek yang dipertandingkan oleh pasukan Equinox Metropolitan akan memberi fokus kepada teknologi bandar pintar dalam

menyampaikan penyelesaian mampan bagi menangani isu-isu harian yang telah mereka kenal pasti di Malaysia. Melalui penyelidikan yang dijalankan secara meluas, pasukan ini bercita-cita untuk membangunkan penyelesaian bagi meningkatkan keselamatan jalan raya dan memastikan jalan raya di Malaysia bebas daripada kematian dan kecederaan serius pada masa hadapan dengan memperkenalkan satu sistem keselamatan jalan raya yang selamat melalui penaiktarafan sistem kawalan trafik secara menyeluruh.

Matlamat mereka adalah untuk mengurangkan kemalangan jalan raya dan meningkatkan kadar kejayaan untuk kes kecemasan melalui pengawasan dan tindak balas kecemasan yang tepat. Equinox Metropolitan telah menghasilkan satu konsep bagi sistem lampu jalan bersepadu yang berupaya untuk mengesan kelajuan kenderaan dan juga mampu untuk menghantar data dengan segera bagi tindak balas kecemasan sekiranya berlaku kemalangan melalui aplikasi Internet-of-Things (IoT). Konsep sistem lampu jalan bersepadu ini juga dilengkapi dengan sensor pengesanan banjir dan ribut kilat sebagai ciri-ciri tambahan dalam projek mereka.

Dalam persiapan untuk bertanding ke peringkat dunia di WRO 2019, Equinox Metropolitan berpeluang membentangkan projek mereka kepada barisan jurutera dari UEM Edgenta bagi mendapatkan maklum balas untuk menambah baik projek mereka. Semasa lawatan ke ibu pejabat UEM Edgenta, mereka turut dibawa melawat ke Command and Contact Centre (CnC), iaitu hub operasi utama yang membolehkan penggunaan analisis data bagi memudahkan pembelajaran mesin dan membolehkan penyelenggaraan ramalan dilakukan. Persekitaran berasaskan 'cloud' membolehkan pengurusan kerja yang efisien, pemantauan jarak jauh, dan mampu mendapatkan keputusan masa nyata dalam menyediakan perkhidmatan berasaskan kejuruteraan kepada pelanggan.

Dato' Azmir Merican, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta berkata, "Kami akan terus mengenal pasti peluang untuk UEM Edgenta berkongsi kepakaran dan pengetahuan dalam bidang teknologi berasaskan kejuruteraan yang telah diguna pakai dalam pelbagai sektor operasi kami seperti sokongan penjagaan kesihatan, pengurusan aset dan fasiliti serta penyelenggaraan jalan dan lebuhraya. Penglibatan kami dalam menyokong aktiviti berasaskan STEM di sekolah sejak beberapa tahun lepas telah memberi impak dan sejajar dengan visi kami dalam menyokong inovasi dan inisiatif teknologi dari peringkat akar umbi. Kami sangat berbesar hati dapat memberikan sokongan kepada Equinox Metropolitan dari awal perjalanan mereka dan berharap yang terbaik untuk membawa kemenangan kepada Malaysia di WRO 2019."

Menurut pasukan tersebut, kejayaan mereka tidak mungkin dicapai tanpa dorongan dan sokongan yang diberikan. Menurut Ahmad Azzam, salah seorang ahli pasukan, "Kami sangat teruja dan bertekad untuk mewakili Malaysia. Kami harap kami telah membuatkan mereka yang menyokong kami bangga dan berjaya membawa pulang trofi kemenangan untuk mereka."

"Saya telah melihat kerjasama, komitmen dan kreativiti ketika pertama kali mereka mencadangkan idea untuk membina sebuah bandar pintar dan mampan dan saya yakin kami mempunyai peluang cerah untuk menang. Kami mengucapkan terima kasih kepada UEM Edgenta atas bimbingan dan sokongan yang diberikan kepada pasukan ini," kata Kamarul Zaman Hamzah, mentor pasukan tersebut.

-tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

*Dikeluarkan oleh **UEM Edgenta Berhad**; Hubungi Hafiz Noor (hafiznoor@uemedgenta.uemnet.com) / 019 424 8283 / 03 2725 6946); atau Juliana Jamaluddin (juliana.jamaluddin@uemnet.com) / 012 340 9438 / 03 2725 7367)*